



PENGERUSI
JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)
MERANGKAP AHLI PARLIMEN ROMPIN
PEJABAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN MALAYSIA, JALAN PARLIMEN, 50680 KUALA LUMPUR
TEL: 03-26017263 FAKS: 03-26989218

Kenyataan Media YB Datuk Hasan Arifin
23 Oktober 2015

- 1) Saya menyambut baik kenyataan YAB Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, Timbalan Perdana Menteri Malaysia selaku Ketua Whip Ahli Parlimen Barisan Nasional (BN) berhubung cadangan supaya semua Ahli Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) Parlimen Malaysia mengangkat sumpah menyimpan rahsia.
- 2) Pada masa sama, YAB Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi juga menyerahkan kepada Penasihat Undang-Undang Parlimen Malaysia bagi meneliti cadangan berkenaan sebelum dikemukakan kepada YB Tan Sri Pandikar Amin Mulia, Speaker Dewan Rakyat.
- 3) Sehubungan itu, terpulang kepada YB Tan Sri Pandikar Amin Mulia untuk menetapkan sama ada semua ahli jawatankuasa PAC perlu mengangkat sumpah menyimpan rahsia.
- 4) Selaku Pengerusi PAC, saya menyerahkan kepada kuasa serta budi bicara YB Tan Sri Pandikar Amin Mulia dalam soal ini berdasarkan kuasa yang diberikan sebagai Speaker Dewan Rakyat.
- 5) PAC adalah sebuah Jawatankuasa Tetap di bawah Parlimen Malaysia yang juga cabang legislatif dan konsep pemisahan kuasa antara Legislatif, Eksekutif serta Kehakiman perlu dihormati.
- 6) Namun, PAC sentiasa terbuka kepada mana-mana cadangan daripada rakyat dan mana-mana kumpulan termasuk parti politik bagi tujuan penambahbaikan jawatankuasa ini.
- 7) Tugas serta tanggungjawab PAC tertakluk kepada Peraturan Dewan (*Standing Order*) Dewan Rakyat dan adalah menjadi tugas semua ahli jawatankuasa mematuhi Peraturan Dewan seperti yang sudah ditetapkan serta bertanggungjawab kepada Parlimen.
- 8) Saya berharap semua ahli jawatankuasa PAC menyedari bahawa mereka tertakluk kepada Peraturan Mesyuarat yang secara jelas dan nyata menyatakan semua bukti yang dibawa di hadapan jawatankuasa ini perlu dibentangkan terlebih dahulu kepada Dewan Rakyat sebelum ia dijadikan dokumen awam.

Tamat.